

Letak jawatan jika muflis: Dr M

B.H 15 SEP 1989

KUALA LUMPUR, Khamis — Pengerusi tetap mesyuarat perwakilan dan ketua **bahagian Umno** yang diisytiharkan muflis dikehendaki meletakkan jawatan **masing-masing**.

Pegawai kerajaan kumpulan A juga dilarang memegang sebarang jawatan dalam **parti** kerana ia bertentangan dengan undang-undang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, berkata **arahan itu akan diberitahu** kemudian kepada mereka terbabit, termasuk semua **bahagian Umno** menerusi Setiausaha **Bahagian**.

Menurut Akta Pertubuhan, sesiapa yang diisytiharkan muflis tidak boleh memegang **sebarang jawatan** dalam **mana-mana pertubuhan**.

Beliau **menjelaskan** bahawa jika mereka yang terbabit itu, diisytiharkan muflis selepas pemilihan **diadakan**, mereka hendaklah meletak **jawatan** dan dipangku oleh **timbangan masing-masing**.

Bagaimanapun, jika mereka **diisytiharkan** muflis **sebelum** pemilihan **bertanding** diadakan tetapi masih **bertanding**, pemilihan semula perlu diadakan **bagi** keadilan kepada orang lain yang **ingin** bertanding.

Katanya, pemilihan jawatan perlu diadakan semula, terutama jika pengerusi mesyuarat yang muflis, **kerana** beliau bertanggungjawab **terhadap** kesempurnaan perjalanan mesyuarat.

"Kalau pengerusi orang yang sudah tidak layak jadi pengerusi, maka **perjalanan** mesyuarat itu tidak sah **langsung** maka terpaksa diadakan mesyuarat semula," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Setakat **ini**, katanya, hanya dua **bahagian — Pasir Salak dan Bukit Gan- tang**, kedua-duanya di Perak, terpaksa

mengadakan mesyuarat semula untuk **tujuan** itu manakala siasatan di **bahagian-bahagian** lain masih dijalankan.

Perdana Menteri berkata hanya beberapa bahagian sahaja daripada 134 bahagian Umno menghadapi masalah muflis itu.

Katanya, perkara itu diputuskan **dalam** mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan oleh **Datuk Seri Dr Mahathir**, di ibu pejabat Umno di **sini hari ini**.

Bercakap dalam sidang akhbar **selepas** itu, beliau berkata, mesyuarat **hari ini** bertumpu kepada masalah **pentadbiran parti**, terutama bahagian yang menghadapi masalah sehingga **ada** yang terpaksa bermesyuarat semula.

Keputusan

Katanya, **pada** umumnya masalah itu dapat diselesaikan dengan **bantuan** nasihat **undang-undang Umno** dan Timbalan **Presiden Umno**, Encik Ghafar Baba yang **pakar** mengenai perlembagaan **parti**.

Mengenai pegawai kumpulan A yang memegang jawatan dalam **parti**, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka memang digalakkan menyertai Umno tetapi **undang-undang** negara melarang mereka **memegang** sebarang jawatan dalam **parti**.

"Oleh kerana perlembagaan Umno tidak boleh membelakangkan **undang-undang** negara, maka **kita** mengambil keputusan **melarang mereka** memegang sebarang jawatan.

"**Kita** khuatir **nanti** ada orang yang mempunyai niat tidak **baik** akan mengambil kesempatan daripada masalah **ini** untuk membawa kes ke mahkamah sehingga Umno **diharamkan** sekali **lagi**," katanya.